

18 JUL 1998

LING-KERJASAMA/I

KERJASAMA MESTI DITERUSKAN WALAUPUN DALAM KRISIS EKONOMI

Oleh: Leslean Arshad

SADAO (Selatan Thailand), 18 Julai (Bernama) -- Kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Thailand mesti diteruskan walaupun kedua-dua negara ini menghadapi krisis kewangan, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik di sini, hari ini.

"Sebaliknya, ia seharusnya mendorong kita untuk bekerja lebih keras dan memperkembangkan semua mekanisme supaya apabila keadaan berubah kita akan berada pada kedudukan yang lebih baik," katanya pada perasmian Terminal KPB Sadao Inland Clearance Depot (ICD).

Pelabuhan darat yang merupakan usahasama antara Konsortium Perkapalan Bhd dan pelabur-pelabur Thailand ini, adalah kemudahan penyimpanan di Selatan Thailand dan adalah satu daripada projek perintis yang diperkenalkan oleh Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Dr Ling berkata keadaan ekonomi sekarang seharusnya juga mendorong kedua-dua negara memperkukuhkan dagangan serantau agar lebih pelbagai dan tidak terlalu bergantung kepada hanya segelintir pasaran.

"Kita sentiasa percaya bahawa kerjasama IMT-GT adalah didorong oleh sektor swasta dan kejayaan pelaksanaan Terminal Sadao ICD ini adalah bukti kepada kebijaksanaan pendekatan ini," katanya sambil memuji Konsortium Perkapalan dan rakan kongsinya dari Thailand kerana berpandangan jauh dalam mengenal pasti potensi pelaksanaan projek ini.

Dr Ling berkata kewujudan ICD baru ini akan mempertingkatkan lagi pergerakan kargo dan perdagangan antara Malaysia dan Thailand dan ia juga akan bertindak sebagai pemangkin bagi pembangunan sosio-ekonomi rantau ini.

Dagangan antara kedua-dua negara pada tahun 1997 berjumlah RM16.6 bilion dengan nilai eksport Malaysia ke Thailand bernilai RM7.9 bilion dan import RM8.7 bilion.

Dr Ling menyeru syarikat-syarikat Malaysia mencontohi Konsortium Perkapalan dengan mula berfikir dalam konteks serantau. Begitu juga syarikat-syarikat Thailand.

Sementara itu, pengerusi eksekutif Konsortium Perkapalan Mirzan Mahathir, berkata Terminal KPB Sadao ICD menyediakan pilihan dan peluang kepada peniaga-peniaga dari utara Malaysia dan selatan Thailand untuk mempertingkatkan dagangan dua hala antara mereka.

Terminal Sadao ICD yang terletak di sempadan Malaysia-Thai ini dilengkapi kemudahan rangkaian jalan raya dan landasan kereta api ke pelabuhan-pelabuhan utama di Thailand dan Malaysia. Kemudahan-kemudahan ini menghubungkan Pelabuhan Pulau Pinang dan Padang Besar di selatan dengan Pelabuhan Bangkok di utara.

Menurut Mirzan berdasarkan pengalaman Malaysia, konsep depoh pengendalian darat ini terbukti memberikan manfaat kepada semua pihak, dengan syarat ia terletak di tempat yang strategik dan diuruskan dengan baik.

Terminal KPB Sadao ICD ini menyediakan segala kemudahan pelabuhan darat sepenuhnya dengan depoh kontena, kawasan yang disediakan kelengkapan mengangkat bagi memindahkan kontena dan operasi pengendalian kastam yang cekap bagi memudahkan pemindahan antara trak Thailand dan Malaysia.

"Kami meramalkan bahawa Terminal Sadao ICD ini akan merintis jalan bagi eksport Thailand dibawa melalui Pulau Pinang, yang merupakan pelabuhan termaju dalam IMT-GT," tegasnya.

-- BERNAMA

LES KY MA